

# BN kekal penguasaan di Chini

Mohd Sharim  
tewaskan dua  
calon Bebas  
dengan  
majoriti besar

Oleh Mohd Nasarudin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Barisan Nasional (BN) mempertahankan penguasaan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini selepas menang Pilihan Raya Kecil (PRK) itu semalam dengan majoriti besar 12,650 undi.

BN diwakili generasi kedua Felda Chini, Mohd Sharim Md Zain, meraih 13,872 undi, mengatasi dua calon Bebas iaitu Tengku Datuk Zainul Hisham Tengku Hussin (1,222 undi) dan Mohd Shukri Mohd Ramli (137 undi).

Keputusan rasmi itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK DUN Chini, Datuk Zaliza Zulkipli, di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Pekan, Pahang malam tadi.

Terdahulu, proses pengundian berlangsung tenang di semua 13



**Mohd Sharim meraikan kemenangan** pada Pilihan Raya Kecil DUN Chini bersama kepimpinan Barisan Nasional, semalam. (Foto BERNAMA)

pusat mengundi membabitkan 65 saluran yang dibuka bermula jam 8 pagi dan berakhir 5.30 petang.

Peratusan keluar mengundi direkodkan selepas 13 pusat mengundi ditutup ialah 73.87 peratus, mengatasi sasaran awal SPR iaitu 70 peratus.

PRK DUN Chini diadakan sulan kematian penyandanganya, Datuk Seri Abu Bakar Harun, 60,

pada 7 Mei lalu di Hospital Kuala Lumpur akibat serangan jantung.

Abu Bakar menjadi wakil rakyat di kawasan itu yang juga satu daripada empat DUN di bawah Parlimen Pekan, sejak Pilihan Raya Umum Ke-11 (PRU-11) pada 2004.

DUN Chini adalah PRK pertama selepas Perintah Kawalan Perge-

rakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu dan ia juga PRK ke-11 selepas PRU-14.

Dalam PRU lalu, Abu Bakar mempertahankan kerusi DUN Chini dengan majoriti 4,622 undi selepas memperoleh 10,027 undi menewaskan calon PAS, Mohd Fadhil Noor Abdul Karim (5,405 undi) dan Mohamad Razali Ithnain daripada PKR (1,065 undi).

Keputusan rasmi  
PRK Dun Chini

Mohd Sharim Md Zain (BN)

**13,872** undi

Tengku Datuk Zainul Hisham  
Tengku Hussin (Bebas)

**1,222** undi

Mohd Shukri Mohd Ramli

(Bebas) **137** undi

Majoriti:

**12,650**

Jumlah undi rosak:

**239**

Peratus keluar  
mengundi:

**73.87** peratus